

**NO. SOALAN: 175**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI**

**RUJUKAN : 9737**

**SOALAN:**

**Datuk Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah indeks mengikut negeri bagi tahun 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan tiga bulan pertama 2017.

## **JAWAPAN:**

**Statistik Jenayah Indeks bagi tahun 2012 hingga 2016 di seluruh negara mengikut negeri adalah seperti berikut:**

<b>NEGERI</b>	<b>TAHUN 2012</b>	<b>TAHUN 2013</b>	<b>TAHUN 2014</b>	<b>TAHUN 2015</b>	<b>TAHUN 2016</b>
<b>JOHOR</b>	<b>19,068</b>	<b>17,105</b>	<b>15,082</b>	<b>13,480</b>	<b>12,941</b>
<b>KEDAH</b>	<b>10,100</b>	<b>8,636</b>	<b>8,028</b>	<b>7,817</b>	<b>7,440</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>6,053</b>	<b>5,737</b>	<b>5,603</b>	<b>5,031</b>	<b>4,548</b>
<b>K.LUMPUR</b>	<b>23,022</b>	<b>22,319</b>	<b>18,293</b>	<b>15,946</b>	<b>16,989</b>
<b>MELAKA</b>	<b>4,764</b>	<b>4,186</b>	<b>3,675</b>	<b>2,948</b>	<b>3,664</b>
<b>N.SEMBILAN</b>	<b>6,563</b>	<b>5,993</b>	<b>5,495</b>	<b>4,787</b>	<b>4,474</b>
<b>PAHANG</b>	<b>5,619</b>	<b>5,257</b>	<b>5,085</b>	<b>4,257</b>	<b>3,777</b>
<b>PERAK</b>	<b>8,545</b>	<b>7,429</b>	<b>6,860</b>	<b>6,228</b>	<b>5,841</b>
<b>PERLIS</b>	<b>974</b>	<b>831</b>	<b>814</b>	<b>741</b>	<b>655</b>
<b>P. PINANG</b>	<b>8,399</b>	<b>7,936</b>	<b>7,491</b>	<b>6,698</b>	<b>6,116</b>
<b>SABAH</b>	<b>6,046</b>	<b>5,772</b>	<b>5,210</b>	<b>5,176</b>	<b>5,367</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>10,382</b>	<b>9,191</b>	<b>7,556</b>	<b>7,230</b>	<b>6,826</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>40,629</b>	<b>43,060</b>	<b>36,165</b>	<b>32,547</b>	<b>31,222</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>3,505</b>	<b>3,610</b>	<b>3,213</b>	<b>2,659</b>	<b>2,494</b>
<b>JUMLAH INDEKS</b>	<b>153,669</b>	<b>147,062</b>	<b>128,570</b>	<b>115,545</b>	<b>112,354</b>

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI**  
**[TENOM]**  
**SOALAN : 176**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan statistik laporan insiden keselamatan siber am seperti gangguan siber, penipuan, pencerobohan siber, kod jahat dan spam antara 2012 hingga 2017 dibawah kendalian CyberSecurity Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kebergantungan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menjadikan negara terdedah kepada pelbagai ancaman siber yang semakin meningkat mutakhir ini. Sehubungan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensinya CyberSecurity Malaysia menawarkan pelbagai perkhidmatan keselamatan siber bertujuan untuk membolehkan keupayaan keselamatan siber negara dalam melindungi pengguna Internet di Malaysia.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan oleh CyberSecurity Malaysia bagi menangani insiden keselamatan siber adalah Cyber999. Cyber999 menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal untuk membolehkan

pengguna internet melaporkan insiden keselamatan siber. Statistik insiden keselamatan siber yang telah direkodkan oleh CyberSecurity Malaysia dari tahun 2012 sehingga bulan Januari 2017 adalah sebanyak 51,401 insiden. Pecahan statistik insiden keselamatan siber mengikut kategori adalah seperti berikut:

- (i) 20,437 insiden penipuan;
- (ii) 2,374 insiden gangguan siber;
- (iii) 194 insiden berkaitan kandungan;
- (iv) 2,064 cubaan pencerobohan (*intrusion attempt*);
- (v) 12,509 pencerobohan (*intrusion*);
- (vi) 4,208 kod berbahaya (*malicious code*);
- (vii) 9,236 spam;
- (viii) 186 gangguan perkhidmatan (*denial of service*); dan
- (ix) 193 laporan kerentanan (*vulnerabilities report*).

Beberapa program dan inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh CyberSecurity Malaysia bagi meningkatkan kesedaran keselamatan siber seperti Program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*). Program-program yang telah dilaksanakan termasuk Ceramah CyberSAFE, CyberSAFE Ambassador, Pertandingan Wacana Keselamatan ICT Kebangsaan dan program Safer Internet Day 2017: MyViral Vow.

Adalah menjadi tanggungjawab semua pengguna internet memberi penekanan kepada aspek keselamatan siber seperti menggunakan perisian dan anti virus yang asli dan sentiasa dikemaskini, serta memahami teknik-teknik menghindari ancaman siber. Di samping itu, bagi mewujudkan persekitaran yang selamat dan sihat untuk anak-anak dalam

dunia siber, aspek 'Cyber Parenting' perlu ditekankan di mana ibu-bapa hendaklah mempelajari teknik keibubapaan terkini selari dengan pembangunan teknologi dunia digital. Penyedia perkhidmatan internet juga disaran mendapatkan perkhidmatan penilaian kerentanan (*vulnerabilities assessment*) bagi menyediakan perkhidmatan yang bersih dari ancaman siber.

Sekian, terima kasih.